

146  
NO.SOALAN: ~~150~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]**

**TARIKH : 25 Mei 2016**

**SOALAN : <sup>146</sup>150**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan yang telah diambil untuk menambah baik pertahanan di sempadan lautan negeri Sabah khususnya di kawasan ESSZONE. Adakah Kerajaan berniat dan bercadang memasang AIS System untuk memantau aktiviti perlautan. Nyatakan kegunaan dua buah kapal selam yang bertempat di Teluk Sepanggar dalam usaha membantu pertahanan Negeri Sabah.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah menambahbaik pertahanan di sempadan di ESS Zone adalah meningkatkan keupayaan aset-aset pasukan keselamatan seperti:

1. perolehan bot pemintas / bot laju;
2. Pangkalan Laut (PL) Tun Sharifah Roziah, sebuah bekas pelantar minyak lucut tauliah telah diubahsuai sebagai sebuah pangkalan laut (*seabasing*) dan telah beroperasi sepenuhnya di perairan Beting Bodgaya, Telukan Lahad Datu;
3. lima (5) buah radar di pulau-pulau di sekitar Telukan Lahad Datu dan Semporna;
4. sebuah kapal dagang yang diubahsuai dijadikan sebagai *mobile seabasing* yang dinamakan sebagai *Kapal Auxiliary* (KA) Tun Azizan;
5. dua (2) buah kapal berukuran 27 meter sebagai *mothership* dengan peranan yang hampir sama dengan PL Tun Syarifah Rodziah dan KA Tun Azizan tetapi dengan kapasiti yang lebih kecil; dan
6. sistem kamera jarak jauh *Big Eye* di pulau- pulau strategik.

Kerajaan akan mengkaji keperluan dan kesesuaian pemasangan *Automatic Identification System* (AIS) ke atas semua vesel yang menggunakan perairan ESS Zone termasuk mengambilkira peraturan-peraturan sedia ada. Ini kerana fungsi AIS ini juga boleh dipintas oleh pihak ketiga dan mampu memberi maklumat sasaran kepada penjenayah. Selain itu, AIS ini boleh ditutup oleh kru kapal menyebabkan kapal tidak boleh dipantau.

Penggunaan kapal selam adalah untuk pertahanan negara. Oleh itu, penggunaan kapal selam untuk membendung kegiatan jenayah rentas sempadan adalah satu tindakan pembaziran kerana kapal selam bukan diperolehi untuk penguatkuasaan undang-undang.

Sekian, terima kasih.